

TARIKH : 16 MEI 2016

AKHBAR : BERITA HARIAN
(PORT DICKSON)

M/S : 31

TAJUK : [TELOK KEMANG]
RM30,000 MENANTI KAKI PANCING PESTA PORT DICKSON

RM30,000 menanti kaki pancing pesta Port Dickson

Kuala Lumpur: Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) menganjurkan pertandingan cabaran memancing terbuka sempena Festival Pantai Port Dickson yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai lebih RM30,000 untuk kaki pancing.

Bertempat di Pantai Cahaya Negeri, Port Dickson, ia akan diadakan pada 27 hingga 29 Mei ini, bermula jam 8.30 pagi.

Pengurus LPNS, Baharudin Jali, berkata pertandingan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Port Dickson dan Persatuan Nelayan Port Dickson itu dijangka disertai 1,000 peserta tempatan dan luar negara.

"Acara memancing di Port Dickson ini sudah sinonim dengan kaki pancing sejak diadakan, malah pada tahun lalu peserta dari Singapura turut mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

"Pertandingan ini mempunyai dua kategori iaitu laut dan pantai. Banyak spesies mega bakal dinaikkan terutama kategori laut dengan ikan haruan tasik, talang, pari dan jenahak," katanya dalam kenyata-

an di sini, semalam.

Yuran penyertaan RM30 bagi kategori laut dan pantai (RM50) untuk setiap joran, manakala pemenang akan ditentukan berdasarkan timbangan berat ikan yang berjaya dipancing.

Cabutan bertuah

Juara bagi kategori pantai akan membawa pulang RM12,000 manakala juara bagi kategori laut akan menerima RM5,000, selain hadiah wang tunai sehingga tempat ke-30.

Peserta berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah yang menarik kali ini, dengan peserta terawal akan menerima baju T.

Baharudin berkata, cabaran memancing itu turut memberi peluang kepada pengusaha bot di Port Dickson untuk menjalankan perkhidmatan memancing kepada orang ramai melalui pakej menarik yang disediakan.

Maklumat lanjut, layari laman sosial Facebook: festival pantai port dickson atau hubungi urus setia di talian 018-2945438, 013-3052811, 013-2667011, 011-11139011.



Baharudin menunjukkan piala juara serta persiapan Festival Pantai Port Dickson 2016.



Festival Pantai Port Dickson

→ Pertandingan memancing
tarikh 27 hingga 29 Mei
→ 1,000 peserta dalam dan luar negara

→ RM12,000 Juara kategori pantai
juara
→ RM5,000 juara kategori laut